



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 1 DAN FASA 2**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**SEKTOR PENGURUSAN STRATA**

1. Apakah jenis aktiviti di bawah Sektor Pengurusan Strata yang beroperasi dalam tempoh PPN Fasa 1 ?

| DIBENARKAN   | TIDAK DIBENARKAN  |
|--|---|
| <p>i) Mesyuarat Agung (AGM/EGM) secara <i>online</i> mengikut tatacara SOP MKN.</p> <p>ii) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan secara <i>online</i>.</p> <p>iii) Pergerakan komuniti di dalam skim strata tertakluk kepada senarai aktiviti yang dibenarkan SOP MKN.</p> <p>iv) Premis perniagaan dengan aktiviti yang dibenarkan SOP MKN.</p> <p>v) Pengoperasian pejabat pemaju/JMB/MC/Ejen Pengurusan dan Pengurus Harta mengikut SOP Sektor Pengurusan Strata.</p> <p>vi) Pengoperasian harta bersama mengikut aktiviti yang dibenarkan SOP MKN.</p> <p>vii) Pengubahsuaian/penyelenggaraan/pembaikan rumah dan/atau harta bersama di skim strata.</p> <p>viii) Khidmat pos/kurier dan pekerja penghantaran (<i>Food Panda/Grab Food</i>).</p> <p>ix) Aktiviti sukan &amp; rekreasi mengikut aktiviti yang dibenarkan SOP MKN</p> <p>x) Urusan perpindahan keluar/masuk.</p> | <p>i) Mesyuarat Agung (AGM/EGM) bersemuka.</p> <p>ii) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan diadakan secara bersemuka.</p> <p>iii) <i>Property viewing</i>.</p> |

**2. Apakah jenis aktiviti di awah sektor pengurusan strata yang beroperasi dalam tempoh PPN Fasa 2 ?**

| DIBENARKAN   | TIDAK DIBENARKAN  |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mesyuarat Agung (AGM/EGM) secara online mengikut tatacara SOP MKN.</li> <li>ii) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan secara online.</li> <li>iii) Pergerakan komuniti di dalam skim strata tertakluk kepada senarai aktiviti yang dibenarkan SOP MKN.</li> <li>iv) Premis perniagaan dengan aktiviti yang dibenarkan SOP MKN.</li> <li>v) Pengoperasian pejabat pemaju/JMB/MC/Ejen Pengurusan dan Pengurus Harta mengikut SOP Sektor Pengurusan Strata.</li> <li>vi) Pengoperasian harta bersama mengikut aktiviti yang dibenarkan SOP MKN.</li> <li>vii) Pengubahsuaian/penyelenggaraan / pembaikan rumah dan/atau harta bersama di skim strata.</li> <li>viii) Khidmat pos/kurier dan pekerja penghantaran (Food Panda/Grab Food).</li> <li>ix) Aktiviti sukan &amp; rekreasi mengikut aktiviti yang dibenarkan SOP MKN</li> <li>x) Urusan perpindahan keluar/masuk.</li> <li>xi) <i>Property viewing</i>.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mesyuarat Agung (AGM/EGM) bersemuka</li> <li>ii) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan diadakan secara bersemuka</li> </ul> |

**3. Adakah perkhidmatan pemasangan sistem telekomunikasi dibenarkan di skim strata dibenarkan?**

**YA.** Aktiviti yang berkaitan dengan pemasangan sistem telekomunikasi berkaitan penghantaran maklumat melalui talian telefon, gentian optik, mikrogelombang dan satelit oleh penyedia perkhidmatan termasuk syarikat yang dilantik oleh penyedia perkhidmatan adalah dibenarkan.

4. Adakah pelawat (*visitor*) dibenarkan masuk skim strata kediaman seperti kondominium/apartment?

**TIDAK DIBENARKAN** kecuali mempunyai urusan khusus yang dibenarkan seperti berikut:-

- a) Penghuni yang tinggal bersendirian atau keluarga yang memerlukan pemantauan atau penjagaan oleh ahli keluarga yang lain;
- b) Penghuni adalah pesakit **selain daripada pesakit Covid-19 atau mana-mana penyakit lain yang memerlukan notifikasi di bawah Seksyen 10 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988** atau individu yang lemah yang memerlukan pemantauan berterusan (*continuous*);
- c) Penghuni yang memerlukan intervensi perubatan segera/kecemasan;
- d) Kematian yang berlaku dalam unit penghuni kecuali **kes Covid-19 atau mana-mana penyakit lain yang memerlukan notifikasi di bawah Seksyen 10 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988**;
- e) Pemberian barangan keperluan asas bagi kelangsungan penghuni/penduduk yang memerlukan bantuan daripada mana-mana individu, keluarga atau organisasi dengan syarat mendapat kebenaran daripada pemaju dan pihak pengurusan; dan
- f) Semua kontraktor/sub-kontraktor/vendor/pekerja/penyedia perkhidmatan/pelanggan atau mana-mana syarikat/badan/individu yang berurusan dengan pihak pengurusan atau pemilik dibenarkan untuk memasuki skim strata bagi tujuan yang dibenarkan oleh pemaju dan pihak pengurusan. Semua perlu mematuhi tatacara pengurusan pelawat/pembekal perkhidmatan/kontraktor yang ditetapkan.

*Nota: Bagi perkara a, b, c, d di atas hanya anak-anak/ibu bapa atau adik-beradik kepada penghuni atau penjaga dibenarkan melawat jika perlu.*

5. Adakah pejabat pengurusan bangunan strata komersial dan bukan strata komersial yang diuruskan oleh pemaju atau pemilik bangunan boleh beroperasi?

**YA**, Permohonan boleh dibuat melalui sistem CIMS MITI:

- a) Pengurusan bangunan strata komersial di bawah Sektor Pengurusan Hartanah Strata (Akta 757), Kluster Kerajaan Tempatan.
- b) Pengurusan bangunan bukan strata komersial di bawah Sektor Pengurusan Hartanah Komersil, Kluster Kerajaan Tempatan.

**6. Adakah pemohon/syarikat boleh memohon untuk beroperasi di beberapa pejabat/tempat beroperasi di dalam satu permohonan?**

**YA.** Setiap permohonan kebenaran syarikat untuk beroperasi boleh meletakkan lebih daripada satu alamat beroperasi. Pemohon boleh mengisi maklumat tersebut di ruangan 'Alamat Beroperasi'.

**7. Adakah kelulusan untuk beroperasi ini terpakai untuk syarikat pengurusan penyenggaraan/pembersihan di Sabah dan Sarawak?**

**YA,** permohonan boleh dikemukakan melalui sistem CIMS MITI.

**8. Sekiranya permohonan gagal, adakah pemohon boleh membuat rayuan?**

**YA.** Sebarang permohonan rayuan adalah melalui sistem CIMS MITI. Pemohon hendaklah menyemak dan merujuk kepada ulasan penolakan dan mengemukakan dokumen sokongan dan penjelasan/justifikasi untuk permohonan rayuan.

**9. Berapakah peratus pekerja yang dibenarkan untuk bertugas di lokasi yang didaftarkan (diluluskan) melalui sistem CIMS bagi pejabat pengurusan strata?**

Kapasiti pejabat pengurusan strata dihadkan seperti berikut:

| <b>PPN</b>    | <b>KAPASITI PEKERJA</b> |
|---------------|-------------------------|
| <b>FASA 1</b> | Tidak melebihi 60%.     |
| <b>FASA 2</b> | Tidak melebihi 80%      |

**10. Bilakah waktu operasi dan waktu kehadiran pelanggan ke pejabat pengurusan strata?**

Waktu operasi dan waktu kehadiran pelanggan ke pejabat pengurusan strata dihadkan seperti berikut:-

| <b>PPN</b>    | <b>MASA</b>                  |
|---------------|------------------------------|
| <b>FASA 1</b> | 9.00 pagi hingga 5.00 petang |
| <b>FASA 2</b> | 9.00 pagi hingga 5.00 petang |

**11. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?**

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Hotline Pertanyaan Umum, Bahagian Pengurusan Strata, Jabatan Perumahan Negara, KPKT 03-88914330/4347 atau email pertanyaan anda ke [helplinestrata@kpkt.gov.my](mailto:helplinestrata@kpkt.gov.my).

***Penerangan:***

- i) Pemaju : Pemaju (Developer) yang menguruskan bangunan sebelum penubuhan Badan Pengurusan*
- ii) Pihak Pengurusan : Badan Pengurusan JMB/MC atau Pengurus Harta*

***Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.***

**BAHAGIAN PENGURUSAN STRATA, JABATAN PERUMAHAN NEGARA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
Kemaskini pada 20 Ogos 2021**